

Mahathir disambut meriah

Oleh AHMAD NAZRI ABDULLAH

JITRA, Rabu — Lebih 5,000 penyokong Barisan Nasional berarak menghantar Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ke pusat penamaan calon, di Pejabat Daerah Kubang Pasu dekat sini pagi ini.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi Barisan Nasional ditentang oleh Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, Haji Yusof Rawa, 59 tahun bagi merebut kerusi parlimen Kubang Pasu.

Datuk Seri Dr. Mahathir berpakaian baju Melayu tiba di pusat penamaan calon itu jam 10.00 pagi.

Bellau terus mengemukakan kertas pencalonannya kepada Pengurus Pillhanraya di situ, Encik Jamaluddin Jamil.

Perarakan menghantar Perdana Menteri dan dua lagi calon BN yang bertanding di peringkat negeri — Datuk Haji Osman Aroff (Jitra) dan Haji Hanafi Ramli (Tanjung) bermula dari Pejabat UMNO Bahagian Kubang Pasu.

Sepanjang perjalanan ke pusat penamaan calon, para penyokong BN melauang-laungkan cogan kata 'Berjaya', 'Berjaya'.

Hampir semua para penyokong BN memakai baju 'T' bergambar wajah Datuk Seri Dr. Mahathir, Datuk Haji Osman dan Haji Hanafi.

Datuk Seri Dr. Mahathir dan dua calon BN yang lain turun ke perkarangan pejabat itu selepas 10 minit berada di Bilik Penamaan Calon.

Perdana Menteri kemudian beramah mesra dan bersalaman dengan orang ramai termasuk penyokong PAS sendiri yang kebetulan menunggu dekat tangga.

Lawannya, Haji Yusof Rawa yang juga bekas Duta Malaysia ke Iran, tiba 20 minit lebih awal bersama dua calon PAS lain untuk kawasan negeri — Haji Salleh Yaakob (Jitra) dan Ustaz Abu Kassim Abdullah (Tanjung).

Ketibaan calon-calon PAS itu diarak lebih 1,000 orang penyokongnya dari sebuah rumah di Jalan Changlion tidak jauh dari pusat penamaan calon.

Walaupun Haji Yusof dan dua rakannya tiba lebih awal, tapi mereka keluar dari bilik penamaan calon lewat dari Datuk Seri Dr. Mahathir.

Perkarangan Pejabat Daerah Kubang Pasu pagi ini penuh sesak dengan orang ramai termasuk kaum wanita yang menyokong calon-calon BN dan PAS.



● DATUK HJ. OSMAN